

# 12 **KEBERKESANAN TEKNIK BKEMAS DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN NARATIF UNTUK SEKOLAH RENDAH**

Rosnita Hamid  
rosnita\_hamid@moe.edu.sg  
Sekolah Rendah East Spring

Sarifah Hassan  
sarifah\_hassan@moe.edu.sg  
Sekolah Rendah Greendale

## **ABSTRAK**

Kekurangan idea dan keterbatasan kosa kata sering menjadi hambatan murid di sekolah rendah dalam kemahiran menulis karangan naratif. Hal ini sering menjadi halangan untuk mereka menulis ayat yang lebih baik, menjadikan hasil penulisan pelajar kurang efektif dan bermutu. Teknik **BKEMAS** – akronim untuk **B**ilakah / **B**agaimanakah, **K**eadaan, **E**mosi, **M**anakah / **M**engapakah, **A**pakah dan **S**iapakah diperkenalkan bagi membantu murid mempertingkatkan kemahiran menulis mereka. Kajian ini mengetengahkan strategi pengajaran yang dijalankan dalam memupuk minat murid Darjah 5 dan 6 untuk menangani masalah penulisan karangan naratif. Penggunaan peribahasa, dialog dan frasa-frasa berbunga juga diharapkan dapat mengukuhkan jati diri Melayu murid. Teknik **BKEMAS** yang berstruktur ini bertujuan untuk merangsang murid-murid dalam pembelajaran sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid lebih yakin membina ayat dalam penulisan mereka dengan berstruktur dan sistematik. Hal ini memperlihatkan peningkatan prestasi murid dalam aspek kerelevanan isi dan juga mutu bahasa yang dihasilkan dalam karangan naratif.

### **Kata kunci**

Pembelajaran berdasarkan pengalaman,



## PENGENALAN

Kajian ini telah dirancang dan dilaksanakan untuk mempertingkatkan lagi proses pembelajaran berpusatkan murid dalam kemahiran menulis karangan. Setiap karangan yang ditulis oleh murid membolehkan mereka mempamerkan daya kreatif dan pemikiran kritis serta kebolehan untuk mengaplikasikan pelbagai laras bahasa. Walau bagaimanapun, guru subjek Bahasa Melayu harus membuat pertimbangan untuk memilih bahan yang luas dan menyeluruh dari pelbagai genre, kandungan, nilai dan perspektif agar dapat memberikan pengalaman pembelajaran bahasa yang baik dan mencukupi. Guru sering mendapati bahawa kosa kata yang digunakan dalam penulisan karangan murid agak terhad, daya kreatif kurang menarik, terdapat kelemahan dari segi pemerenggan, penggunaan bahasa dan plot cerita yang ditulis murid agak membosankan.

Kertas kajian ini akan mengajukan teknik **BKEMAS** – akronim untuk **B**ilakah / **B**agaimanakah, **K**eadaan, **E**mosi, **M**anakah / **M**engapakah, **A**pakah dan **S**iapakah yang digunakan sebagai salah satu strategi pengajaran yang dijalankan dalam memupuk minat murid Darjah 5 dan 6 untuk menangani masalah penulisan karangan naratif. Penggunaan peribahasa, dialog dan frasa-frasa berbunga diharapkan dapat memperbaiki kemahiran menulis murid berteraskan kemahiran abad ke-21.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti:

1. keberkesanan teknik BKEMAS dalam mempertingkatkan kemahiran menulis murid; dan
2. keberkesanan teknik BKEMAS dalam meningkatkan penggunaan kosa kata yang pelbagai dalam hasil penulisan murid.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pengajaran karangan agak menjenuhkan guru jika pemilihan teknik yang digunakan di dalam kelas kurang berkesan dan tidak menunjukkan kemajuan dalam kemahiran menulis murid. Tambahan lagi, guru menghadapi kesulitan menyemak karangan murid kerana mutu karangan agak rendah disebabkan kurangnya isi dan juga terdapatnya kesilapan bahasa yang banyak termasuklah dari segi struktur ayat.

Lazimnya, murid akan mengambil jalan pintas dengan menggunakan perkataan atau frasa yang disediakan dalam kertas soalan peperiksaan sahaja. Bahkan, ada juga murid yang menterjemah istilah-istilah Inggeris secara literal. Hal ini akan menjejaskan mutu penulisan mereka dari aspek pengembangan isi dan penguasaan bahasa.

Selain itu, karangan yang ditulis murid kadangkala tidak menepati kehendak soalan dan kurang kreatif. Disebabkan oleh kurangnya daya pemikiran untuk membuat interpretasi terhadap gambar (Untuk Karangan Bergambar) atau menjawab soalan-soalan rangsangan (Untuk Karangan Bertajuk), maka teknik BKEMAS digunakan untuk memperkayakan kosa kata dan memperbaiki mutu jalan cerita dalam penulisan karangan murid.

## **KAJIAN LEPAS**

Aktiviti-aktiviti yang memberangsangkan seperti menonton video, melambas otak, berkongsi idea dan menjalankan aktiviti wisata ilmu dapat memantapkan lagi pengetahuan, meningkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu. Menurut Houle (1980), pembelajaran berdasarkan pengalaman merupakan sebuah pendidikan yang berlaku semasa penglibatan seseorang individu terlibat dalam kejadian-kejadian kehidupan. Oleh yang demikian, penting bagi guru untuk berbincang dan membimbing murid yang menghadapi masalah dalam penulisan karangan agar mereka tidak ketandusan idea dan kosa kata.



Salah satu cara pengajaran karangan berupa penggunaan percikan kata dan frasa berbunga dalam kesinambungan gambar bersiri dapat membantu murid menulis walaupun ada murid yang masih lemah dari segi pembangunan isi.

Menurut Vanessa Steele (2008), penggunaan perkara-perkara yang visual seperti peta minda dan penyusun grafik merupakan salah satu aktiviti pramenulis yang berkesan. Ini merupakan strategi berstruktur yang menunjukkan perkaitan idea. Dengan adanya informasi yang tersusun dan berkaitan, murid dibantu untuk menyusun idea ketika menulis. Oleh itu, teknik BKEMAS dipilih kerana dapat memudahkan murid menyusun idea penulisan mereka.

Abdullah (1996) menyatakan penulisan karangan yang baik berlandaskan beberapa perkara termasuklah ketepatan memberikan kenyataan pada tajuk, mempersembahkan isi atau buah fikiran, penggunaan bahasa yang tepat serta gramatis, pengolahan, penyampaian dan pemerenggan. Untuk merangsang pembelajaran murid dalam menulis karangan, guru menggunakan kaedah menyoal BKEMAS untuk mencungkil pengetahuan murid. Aspek 'keadaan' dan 'emosi' juga diketengahkan dalam perancahan karangan agar daya kreatif dan pemikiran kritis dapat dipertingkatkan.

## **KAEDAH KAJIAN**

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 dan dari aliran standard. Sebahagian besar daripada murid mempunyai asas teguh dan kukuh bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Hanya segelintir daripada murid ini berupaya memperluaskan kosa kata, memahami dan menggunakan struktur bahasa yang baik.

### Instrumen Kajian

Pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan murid penting dalam kajian ini. Beberapa komponen akan diukur dalam pelbagai aktiviti perancahan yang dijalankan. Hasil karangan murid dinilai dari segi isi dan bahasa. Hal ini dilakukan dengan tujuan untuk

memantau dan mengenal pasti kelakonan dan keperluan murid secara berterusan. Rubrik, senarai semak, peta minda, borang refleksi juga digunakan dalam proses mengarang agar dapat memperbaiki mutu penulisan murid bagi karangan. Maklum balas guru secara individu juga digunakan sebagai rujukan untuk memperbaiki mutu karangan murid. Instrumen yang digunakan termasuklah rubrik dan senarai semak bagi meneliti keberkesanan penggunaan teknik BKEMAS mempertingkatkan kemahiran menulis murid.

### Prosedur Kajian

Guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terpandu dan berstruktur.

#### Langkah 1 - Induksi

Sebagai induksi, guru menayangkan klip video yang berkaitan dengan tajuk karangan atau berhubungan dengan gambar bersiri. Guru meneruskan pengajaran menulis karangan dengan mengutarakan soalan-soalan contoh sebagai panduan :

1. **A**pakah yang telah berlaku?
2. **S**iapakah yang terlibat dalam kejadian itu?
3. **B**ilakah perkara ini perkara itu berlaku?
4. **B**agaimanakah kejadian itu dapat dielakkan?
5. **M**engapakah peristiwa itu sukar dilupakan?

#### Langkah 2 – Menerangkan Keadaan atau Emosi

Murid juga boleh menerangkan **K**eadaan dan **E**mosi watak-watak dalam karangan untuk menambah nilai isi karangan. Proses ini juga dapat mencerminkan kebolehan murid berfikir secara kritis dan kreatif serta meningkatkan keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat, idea dan perasaan secara berkesan melalui penggunaan bahasa Melayu baku.

#### Langkah 3 – Pendedahan kepada Frasa Berbunga, Dialog dan Peribahasa



Bagi memperluas kosa kata murid, mereka juga didedahkan kepada frasa berbunga, dialog dan peribahasa dalam proses penulisan karangan dalam setiap perenggan.

Aktiviti terarah dan berpandu ini secara tidak langsung menyediakan peluang untuk murid mengumpulkan maklumat. Melalui proses penulisan yang bersistematik ini, murid diharapkan dapat menggunakan bahasa Melayu baku secara berkesan dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan guru, murid menunjukkan sikap yang positif ketika melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan pramenulis karangan yang dijalankan. Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan juga, murid berfikir secara kritis dan kreatif, mereka cipta, menyenaraikan isi cerita, berbincang bersama tentang sesuatu perkara melalui kerja secara berpasangan dan berkumpulan.

Melalui penggunaan rubrik dan senarai semak yang diberikan ketika mengarang, terdapat peningkatan dari segi penggunaan peribahasa, frasa berbunga dan dialog dalam karangan murid. Setelah melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti proses menulis karangan, murid didapati lebih fasih dan yakin berbahasa. Murid menunjukkan kecenderungan untuk merujuk kamus setelah menjalani kegiatan-kegiatan seperti menjalani proses pramenulis BKEMAS.

Peningkatan mutu dari segi pemerenggan juga dapat dilihat melalui teknik BKEMAS. Penjanaan dan kesinambungan idea dalam karangan murid didapati lebih terserlah dan penyelewengan karangan jarang berlaku.

Menerusi strategi menyoal, murid berjaya memperkaya kosa kata, meluaskan idea serta menerapkan unsur keadaan dan emosi ke dalam diri watak. Dengan lain perkataan, kaedah ini berjaya merangsang murid untuk memperluas penerangan serta mengembangkan watak agar plot lebih padat dan gaya penulisan karangan murid lebih kreatif.



Kajian mendapati bahawa sebelum murid melalui proses pembelajaran yang menggunakan teknik BKEMAS, hasil karangan murid hambar, tanpa menggunakan dialog, peribahasa atau frasa-frasa berbunga yang berkesan dan unsur plot yang kurang meyakinkan. Selain dari itu, penggunaan kosa kata agak terhad dan murid ketandusan idea, menjadikan karangan mereka tidak kreatif dan membosankan. Setelah murid melalui teknik BKEMAS ini, dapatan kajian menunjukkan murid lebih yakin membina ayat dalam penulisan mereka yang lebih berstruktur dan sistematik. Hal ini memperlihatkan perubahan dalam pengajaran yang dapat menyokong dan memudahkan pelajar mendapatkan isi karangan dan juga meningkatkan mutu bahasa yang dihasilkan dalam karangan naratif.

## **KESIMPULAN**

Kegiatan-kegiatan pembelajaran menggunakan pelbagai teknik dalam proses menulis karangan boleh dijalankan secara konsisten setiap tahun. Kajian ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran yang melibatkan murid secara aktif. Secara tidak langsung, guru lebih memahami keperluan dan kebolehan anak didik mereka.

Murid menunjukkan keghairahan dan kecenderungan untuk menyumbang idea melalui proses mengarang yang lebih bersistematik dan terpandu. Walau bagaimanapun, teknik BKEMAS ini menunjukkan peningkatan yang lebih memberangsangkan jika murid dipupuk sejak di peringkat Darjah 3 lagi.

## **RUJUKAN**

Abdullah Hassan (1996). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Malaysia.

Mott, V. W. (2000). *The Development of Professional Expertise in the Workplace*. *New Directions for Adult and Continuing Education*, 2000: 23–31.

Vanessa Steele (2008). *How to approach discursive writing*.  
[http://www.teachingenglish.org.uk/think/write/discursive  
write.shtml](http://www.teachingenglish.org.uk/think/write/discursive/write.shtml);

